



**Permodalan Nasional Berhad**

(38218-X)

**KENYATAAN AKHBAR**

**ASNB UMUM AGIHAN PENDAPATAN SEBANYAK 5.00 SEN SEUNIT UNTUK AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG (ASN 3)**

Untuk Siaran Segera  
29 November 2017

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit untuk tabung unit amanah harga berubah, Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017. Pengagihan RM64.77 juta akan memberi manfaat kepada lebih 43,000 pemegang unit dengan jumlah pegangan lebih 1.29 bilion unit ASN 3.
- Setakat 31 Oktober 2017, ASN 3 telah mencatat pendapatan bersih berjumlah RM62.25 juta dan hasil dividen sebanyak 4.9% seterusnya menyumbang kepada Jumlah Pulangan sehingga kini sebanyak 5.9%, sejajar dengan strategi PNB agar dana unit amanah harga berubah lebih memberi fokus terhadap menjana Jumlah Pulangan kepada pemegang unit.
- Semua urusan niaga bagi ASN 3 telah ditangguhkan mulai 28 November 2017 hingga 3 Disember 2017 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Para pemegang unit boleh menyemak dan mengemaskini akaun ASN 3 melalui portal baru ASNB, [myasnb.com.my](http://myasnb.com.my) atau di ibu pejabat, semua cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara mulai 4 Disember 2017.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit bagi tabung unit amanah harga berubah, Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2017.

Pengagihan pendapatan berkenaan melibatkan pembayaran berjumlah RM64.77 juta, yang akan memberi manfaat kepada lebih 43,000 pemegang unit dengan pegangan lebih 1.29 bilion unit ASN 3.

Indeks FBM KLCI menunjukkan peningkatan prestasi untuk tahun kewangan semasa ASN 3 dengan catatan pulangan harga sebanyak 5.9%, satu pemulihan selepas dua tahun mengalami penurunan pasaran berturut-turut. Pasaran dibuka pada 1,619 mata pada 30 November 2016 dan ditutup lebih tinggi iaitu pada 1,714 mata pada 28 November 2017.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, “Kami gembira dengan prestasi positif pasaran bagi tahun kewangan semasa ASN 3, yang telah membantu PNB untuk memberi pulangan yang kompetitif kepada para pemegang unit ASN 3”.

Bursa tempatan telah memperoleh manfaat melalui prestasi ekonomi yang kukuh dan harga komoditi yang tinggi. Aliran masuk daripada pelabur asing sangat ketara pada separuh pertama tahun 2017. Walau bagaimanapun, separuh kedua tahun 2017 menyaksikan pasaran terjejas dengan kebimbangan geopolitik dan ketidakpastian terhadap polisi kewangan Amerika Syarikat.

Tan Sri Wahid turut menambah, “Setakat 31 Oktober 2017, ASN 3 telah mencatat pendapatan bersih sebanyak RM62.25 juta. Ini membantu ASN 3 mencatatkan hasil dividen sebanyak 4.9% dan menyumbang kepada Jumlah Pulangan sehingga kini berjumlah 5.9%, sejajar dengan fokus strategi dana untuk menjana pulangan seimbang menerusi pelaburan dalam ekuiti dan pendapatan tetap. Tambahan pula, ianya seiring dengan strategi PNB agar Dana Harga Berubah lebih memberi fokus dalam menjana Jumlah Pulangan kepada pemegang unit”.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASN 3 adalah berdasarkan pegangan unit pada 30 November 2017. Pengagihan pendapatan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Disember 2017, berdasarkan nilai aset bersih (NAV) ASN 3 pada 30 November 2017.

Sementara itu, agihan pendapatan untuk pemegang unit yang melanggan ASN 3 menerusi Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan

dikreditkan terus ke dalam akaun KWSP masing-masing.

Semua urusan niaga bagi ASN 3 di ibu pejabat, cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan mulai 28 November 2017 sehingga 3 Disember 2017 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan.

Para pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun ASN 3 melalui portal baru ASNB, [myasnb.com.my](http://myasnb.com.my) atau di ibu pejabat, cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara mulai 4 Disember 2017. Penyata pengagihan pendapatan serta laporan tahunan tabung amanah akan dihantar kepada pemegang unit dalam masa dua bulan selepas pengagihan pendapatan diumumkan.

-----Tamat -----

**Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1978 untuk mengurus Tabung-Tabung yang dilancarkan oleh PNB. Kini, ASNB memiliki 10 Tabung termasuk 6 tabung harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan (ASW 2020), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham 1Malaysia (AS 1 Malaysia), dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2). 4 tabung selebihnya merupakan tabung harga berubah yang dikenali sebagai Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) dan Amanah Saham Gemilang (ASG). ASNB kini mempunyai 30 cawangan dan 2,235 ejen di seluruh negara. Sila rujuk laman web untuk maklumat lanjut mengenai lokasi cawangan dan ejen tersebut.

**Mengenai ASN 3**

ASN 3 merupakan dana imbang bertujuan menjana pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan yang seimbang.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

1. Abdul Halim Jusoh | [abdulhalim@pnb.com.my](mailto:abdulhalim@pnb.com.my) | 019-650 2730
2. Kaneskumar Supramaniam | [kaneskumar@pnb.com.my](mailto:kaneskumar@pnb.com.my) | 011-2354 7192